

23/11/1998

Kempen pilihan raya melalui Internet

KUALA KANGSAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan Barisan Nasional (BN) menggunakan Internet dalam kempen pilihan raya umum akan datang untuk menangkis serangan kotor parti pembangkang melalui media itu.

"Jika orang mahu serang BN dengan cara itu (Internet), kita akan gunakan cara yang sama...ini akan menyebabkan kempen pilihan raya menjadi lebih sukar kerana semua pihak akan menggunakan Internet untuk menyampaikan mesej mereka.

"Penggunaan Internet secara kotor amat menyedihkan kerana teknologi maklumat itu boleh dimanfaat untuk penyebaran maklumat dan ilmu pengetahuan," katanya selepas melawat kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, Internet ialah alat penyebaran ilmu dan bukan media untuk menyampaikan `segala kekotoran dalam lubuk hati kita'.

"Bagaimanapun, kerajaan yakin rakyat sudah matang untuk memilih dan menilai perkara baik untuk mereka.

"Saya selalu membandingkan Internet dengan sebilah pisau yang mana kalau kita suka, boleh menggunakan pisau itu untuk mengukir sesuatu yang cantik atau kita boleh menggunakannya untuk membunuh orang," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan menghadapi kesukaran pada pilihan raya umum akan datang berikutan tindakan pembangkang memburukkan kerajaan melalui Internet dalam kempen mereka.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika berucap pada Forum Pemantapan BN di Kem Pemantapan Kepemimpinan Pemuda BN di Ulu Kenas, pagi tadi berkata, Internet dijangka digunakan dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

(END)